

# Cabaran institusi baru lebih kompleks



FOKUS

Oleh Ruhaiza Rusmin  
ruhaizarusmin@  
mediaprima.com.my

**K**ewujudan 20 institusi pengajian tinggi (IPT) awam tempatan dan ratusan lagi IPT swasta secara tidak langsung memperlihatkan betapa pesatnya pembangunan sektor pendidikan tinggi negara.

Kerancangan negara menjadi hab pendidikan serantau, bahkan di peringkat dunia bagaiamanapun memberi cabaran tersendiri kepada institusi berkenaan dalam mendepani persaingan, sekali gus muncul sebagai yang terbaik.

Namun, dalam hal ini mungkin timbul juga isu kebolehpercayaan institusi tertentu dalam menyediakan pakej pendidikan tinggi secara sempurna, iaitu lengkap dengan tenaga pengajar dan kemudahan berkualiti.

Malah, kita tidak menafikan, adakala kemampuan dan kewibawaan institusi tertentu terutama yang dikategori sebagai 'junior' mengundang skeptikal sesetengah pihak. Adakah institusi baru boleh bersaing serta duduk sama tara dengan yang lain?

Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Datuk Dr Asma Ismail berkata, setiap IPT mempunyai cabaran tersendiri dan bagi sebuah institusi baru ia lebih kompleks.

Menurutnya, bagi institusi yang sudah 'senior' tentunya imej dan keupayaannya sudah menonjol, malah mempunyai pengalaman dalam pengendalian kepakaran dan mampu membina jenama sendiri.

"Bagi universiti baru perlu memulakan langkah dari bawah, belajar menyesuaikan keadaan dengan pelaksanaan dilakukan secara berperingkat.

"Zaman universiti senior melalui semua cabaran awal sudah berlalu. Mereka sudah ada kepakaran melangkaui standard, berpengalaman serta memperoleh pengiktirafan dari segi kepakaran.

"Kelebihan inilah yang menjadi antara cabaran utama universiti baru terutama membangunkan jenamanya



DR Asma

sendiri bagi menyaingi kehebatan universiti yang sudah lama bertapak," katanya.

Perkembangan semasa dan pencapaian IPT baru sentiasa menjadi perhatian masyarakat, kerana mereka juga ingin melihat sejauh mana kemampuan seperti diuar-uarkan melalui slogan tertentu.

Sikap ingin tahu dan keprihatinan itu pasti tidak boleh dihalang kerana mereka khususnya di kalangan ibu bapa mengharapkan yang terbaik, sekali gus memberikan

pulangan sepadan atas pelajaran sepanjang tempoh pengajian anak masing-masing.

"Biarpun ia suatu tekanan bagi universiti itu, dilihat dari sudut positif ia tindakan yang baik. Adanya pemantauan dari pihak luar membolehkan universiti baru memperbaiki kelemahan," kata Dr Asma.

Malah katanya, sikap peduli masyarakat itu dapat membantu institusi baru dari aspek promosi dan penjenamaan.

"Biasanya nama sesebuah universiti baru kurang dikenali terutamanya bagi dinaik taraf atau diberi penjenamaan semula, sedangkan nama institusi lama cukup dikenali ramai seperti Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia.

"Dalam hal ini universiti baru juga tidak boleh berpeluk tubuh, sebaliknya berusaha agar lebih dikenali bersama yang lain," katanya.

Mengambil contoh USIM, beliau optimis penawaran program adalah setanding dan



KEJAYAAN mahasiswa universiti baru juga sering menjadi perhatian masyarakat kerana ingin mengetahui sejauh mana kemampuan mereka memberikan persaingan. - Gambar hiasan

berkemampuan melahirkan graduan berdaya saing bagi memenuhi kapasiti industri, walaupun masih boleh dianggap sebagai universiti baru.

Menurutnya, penubuhan USIM selaras matlamat melahirkan graduan yang bukan saja mempunyai pencapaian akademik cemerlang, tetapi disertai kematapan modal insan Islam yang kukuh.

Katanya, USIM sebuah universiti baru yang mempunyai objektif melahirkan masyarakat madani berilmu dan mempunyai jati diri yang mantap.

"Saya tidak menolak persepsi sesetengah masyarakat di luar sana yang mengangap USIM hanya melahirkan bakal ustaz atau guru agama. Namun, pada saya tanggapan

itu adalah tidak benar.

"USIM menyediakan platform pengkhususan sama seperti universiti lain. Ini juga adalah antara cabaran sebagai universiti baru," katanya.

Menurutnya, institusi baru juga mempunyai kekuatan tersendiri dalam pengkhususan ditawarkan, sama seperti yang lain.

"Contohnya USIM mem-

## Universiti baru perlu membangunkan jenama bagi menyaingi kehebatan universiti lama



UNIVERSITI baru juga mampu memberi persaingan menerusi program profesional yang ditawarkan sama seperti universiti yang sudah mempunyai nama. - Gambar hiasan

punyai kekuatan dalam bidang pembangunan ilmu berteraskan kewangan Islam seperti muamalat.

“Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dengan perundangan, UKM menonjol dengan perubatan manakala UTM, Universiti Tun Hussein Malaysia dan Universiti Teknikal Melaka dalam bidang kejuruteraan.

“Kekuatan ini secara tidak langsung menaikkan nama universiti berkenaan di mata masyarakat, sekali gus memudahkan lagi pemilihan dibuat bakal mahasiswa,” katanya.

Beliau berkata, penting juga diketahui sumbangan IPT sebenarnya tetap sama dan tidak boleh dipertikalkan, walaupun ianya masih baru.


Malah katanya, bersandarkan keperluan optimum membabitkan keperluan jangka panjang dalam setiap penawaran program, penubuhan institusi baru juga bagi memenuhi kehendak yang sudah dikaji dengan teliti.

“Ia berdasarkan keperluan semasa, selain mengimbangi keperluan jangka panjang sumber tenaga kerja dalam industri.

“Jadi, kekuatan dan kelebihan institusi baru diselaraskan dengan peranan masing-masing dan pada masa sama menyokong kehendak aspirasi pendidikan tinggi negara,” katanya.



**MEMANG** tidak dinafikan universiti lama mempunyai kepakaran tinggi dan diiktiraf dalam bidang penyelidikan namun tidak musta universiti baru juga mampu melakar sejarah serupa. - Gambar hiasan



**ANTARA** matlamat utama setiap institusi adalah melahirkan grad yang mampu menepati kehendak majikan dan industri. - Gambar hiasan